

**SOALAN NO. 61**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI ISMAIL BIN**

**HABI ABD. MUTTALIB (BN) (MARAN)**

**TARIKH : 7 JUN 2010 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**YB Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib (BN) (MARAN) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT memandangkan gejala keruntuhan moral di kalangan belia di negara ini memberikan ruang kepada pihak Kementerian menubuhkan Skuad Kami Perihatin dalam usaha membendung kes-kes buang anak, bersekedudukan, remaja meninggalkan rumah dan seumpamanya, hingga kini apakah kesan yang didapati dengan penubuhan Skuad berkenaan.**

**JAWAPAN:**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menerusi jalinan kerjasama pintar dengan akhbar Utusan Malaysia, Astro dan Persatuan Karyawan telah melancarkan Projek "KAMI PRIHATIN" pada 8 April 2010 dalam usaha meningkatkan kesedaran masyarakat

Malaysia terhadap isu penderaan kanak-kanak, pembuangan bayi, bersekedudukan, remaja meninggalkan rumah dan sebagainya.

Usaha ini merupakan tindakan permulaan Kementerian dalam usaha menggalakkan penglibatan aktif sektor korporat serta seluruh anggota masyarakat untuk menangani isu penderaan dan pembuangan bayi dari terus berleluasa.

Berdasarkan kepada maklum balas yang diterima oleh Kementerian dan tiga (3) lagi rakan kongsi pintar tahap kesedaran orang ramai terhadap isu penderaan kanak-kanak dan pembuangan bayi didapati meningkat selepas Projek “KAMI PRIHATIN” dilancarkan. Pertanyaan-pertanyaan yang diterima dan minat yang ditunjukkan oleh sektor swasta dan agensi-agensi Kerajaan mengenai bentuk penyertaan yang boleh mereka sertai melalui Projek “KAMI PRIHATIN” amat memberangsangkan. Antara badan-badan/agensi Kerajaan yang telah menyatakan minat untuk sama-sama menyertai kempen ini termasuklah Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pelajaran, Pandu Puteri, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, Sekolah-sekolah dan Persatuan-persatuan Penduduk.

Ini merupakan satu petanda yang sangat positif yang diterima daripada seluruh anggota masyarakat Malaysia yang mahukan isu penderaan

kanak-kanak dan pembuangan bayi yang seolah-olah tiada penghujungnya ditangani dan dihentikan segera.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan Bertulis Daripada: **DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [ MARAN ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA****PERTANYAAN BERTULIS**

**Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [ MARAN ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan selain daripada insentif yang diumumkan sempena Hari Guru 2010 baru-baru ini, apakah langkah-langkah dan strategi pihak Kementerian dalam memantapkan lagi kemahiran dan keazaman guru-guru terutama guru-guru lepasan KPLI dalam mengharungi arus sistem pendidikan sekarang.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Dalam Perutusan Hari Guru 2010, Y.A.B. Menteri Pelajaran telah mengumumkan insentif berikut kepada para guru :

- i) Sistem Tawaran Baru atau 'New Deal' kepada kepimpinan sekolah serta guru-guru bagi meningkatkan prestasi sekolah.
- ii) Memperbaiki laluan kerjaya guru
  - a. Peluang kenaikan pangkat
  - b. *Faster Career Profession / Fast Track*
- iii) Memperbaiki persekitaran kerja.

- iv) Meningkatkan kemudahan dan prasarana pendidikan khususnya di luar bandar dan pedalaman.

Di samping itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) juga melaksanakan langkah-langkah dan strategi berikut bagi memantap lagi kemahiran dan keazaman guru-guru terutama yang mengikuti Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) dalam mengharungi arus sistem pendidikan sekarang.

- i) KPM memberi penekanan dalam latihan perguruan untuk persediaan bakal-bakal guru yang ditempatkan di sekolah-sekolah luar bandar dan pedalaman dari segi pengetahuan, kemahiran, pengalaman dan psikologi melalui pelbagai program dan aktiviti seperti Program Bina Insan Guru untuk membina ketahanan dalam pelbagai persekitaran.
- ii) Modul-modul khas dibina untuk kaedah khas pengajaran dan pembelajaran (P&P), pengurusan pelajar dan kelas bercantum untuk keperluan P&P.
- iii) Melalui latihan praktikum, guru pelatih juga diberi pengalaman mengajar dalam pelbagai situasi sebenar di sekolah iaitu di kawasan bandar, luar bandar dan pedalaman.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB. DATO' HAJI ISMAIL HAJI ABD. MUTTALIB

KAWASAN : MARAN

SOALAN NO. : 63

**YB. DATO' HAJI ISMAIL HAJI ABD. MUTTALIB (MARAN)** minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan selepas Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dibubarkan, apakah langkah-langkah drastik Kerajaan dalam membantu usahawan-usahawan khususnya golongan Bumiputera dan apakah contoh hasil kejayaan daripada langkah-langkah yang telah diambil tersebut.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) adalah antara 8 kementerian dan agensi yang telah diberi tanggungjawab dalam pembangunan usahawan di negara ini selepas pembubaran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Antara langkah-langkah yang telah diambil MITI dalam membantu usahawan Bumiputera adalah:

- menubuhkan Bahagian Pembangunan Keusahawanan (BPU) pada Ogos 2009 yang bertujuan untuk menyelaras program-program keusahawanan yang terdiri daripada 4 seksyen iaitu:
  - Institut Keusahawanan Negara (INSKEN);
  - Penyelaras dan Pemantauan;
  - Pembangunan Perniagaan dan Pemasaran; dan
  - Pembangunan Peniagaan Bumiputera.
- menubuhkan Pusat Rujukan Dan Bimbingan Usahawan atau Business Advisory Centre (BAC) pada 29 Mac 2010 di MITI, Putrajaya sebagai ‘One Stop Centre’ atau Pusat Rujukan Setempat bagi menyelaras dan memberi khidmat nasihat mengenai pelbagai aspek pembangunan keusahawanan antaranya bantuan kewangan, promosi, pemasaran, bina upaya dan akses pasaran. Sejak penubuhannya, seramai 263 orang telah menggunakan khidmat yang diberikan;
- menganjurkan mesyuarat Majlis Pembangunan Usahawan (MPU) antara Kementerian/agensi berkaitan sebagai mekanisme pemantauan dan penyelaras pelaksanaan program pembangunan usahawan di peringkat nasional;
- mengadakan beberapa sesi dialog antara Kementerian dengan pihak industri seperti Persatuan-persatuan dan Dewan-dewan perniagaan serta NGO Bumiputera termasuk Sabah dan Sarawak yang melibatkan

penyertaan seramai 1,160 usahawan dan menganjurkan pertemuan antara wakil-wakil persatuan ini dengan Majlis Penasihat Ekonomi Negara (MPEN) dalam memberi cadangan dan maklum balas mengenai tindakan ‘affirmative’ yang diperlukan oleh usahawan Bumiputera dalam menyediakan rangka Model Baru Ekonomi ;

- mengadakan aktiviti turun padang dan program *outreach* kepada usahawan bagi mengetahui keperluan dan kehendak sebenar usahawan; dan

Pelaksanaan pelbagai program ini telah memberi manfaat kepada usahawan dalam memperluaskan pasaran, meningkatkan kualiti, prestasi jualan dan pengeluaran produk. Antara contoh hasil kejayaan program-program dijalankan adalah:

- seramai 904 usahawan telah berjaya meningkatkan perniagaan mereka selepas menyertai Program Peningkatan Kualiti Produk (Groom Big) dari 2006 sehingga 2009;
- meningkatkan prestasi fizikal syarikat melalui Program Peningkatan dan Pengukuhan Daya Saing Eksport yang mencatat jualan tunai dan kontrak sejumlah RM22.1 juta untuk tempoh 2006 sehingga 2009;

- sebanyak 135 Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) telah berjaya mendapat Pensijilan Halal Negeri yang merupakan keperluan minima untuk memasuki *supermarket* seperti Mydin, Giant, Jaya Jusco dan Tesco;
- lebih daripada 40 usahawan sokongan dalam sektor perkhidmatan seperti pereka, jurugambar, pencetak dan *trader* dapat diwujudkan sebagai usaha mempertingkatkan rantai nilai dalam sektor pembuatan; dan
- lebih 50 syarikat telah terlibat dalam program promosi produk eksport di Dhaka, Romania, Dublin, Dubai, Tokyo.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI  
MOHAMED SAID [ KUALA KRAU ]**

**TARIKH :**

**Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [ Kuala Krau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan bagi memastikan penjawat awam negara ini mempunyai kualiti kerja yang tinggi dan mekanisme penetapan kerja dilakukan oleh Kerajaan terutamanya menentukan kesepadan kelayakan akademik dan bidang tugas.

**JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menentukan kualiti seseorang penjawat awam bermula daripada proses pengambilan yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Melantik. Proses tersebut dibuat berdasarkan merit di mana setiap calon dikehendaki melalui prosedur-prosedur tapisan tertentu bagi menilai kualiti calon yang akan dipilih. Calon akan dinilai dan ditapis dengan menggunakan pelbagai kaedah dan hendaklah mempunyai syarat

kelayakan akademik atau kemahiran yang ditetapkan, memenuhi syarat dalam skim perkhidmatan yang dipohon dan melepas kaedah penilaian lain seperti temu duga, peperiksaan khas atau melalui pusat penilaian (*assessment centre*). Hanya calon yang berjaya dan terbaik dari segi kualitinya akan dilantik ke dalam perkhidmatan awam. Penjawat awam sebelum disahkan dalam perkhidmatan juga diwajibkan menjalani kursus induksi dan peperiksaan berkaitan serta perlu diperakui oleh Ketua Jabatan dari segi prestasi, kualiti dan kesesuaian dengan jawatan yang disandang.

Selain itu, Kerajaan melaksanakan pelbagai standard pengukuran keberhasilan dan kualiti, antaranya pengukuran berdasarkan bidang keberhasilan utama (*Key Result Area*), petunjuk prestasi utama (*Key Performance Indicators*) dan penetapan sasaran kerja serta laporan penilaian prestasi tahunan. Penetapan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) merupakan salah satu mekanisme penetapan kerja yang dilaksanakan bagi memastikan penjawat awam mempunyai kualiti dan prestasi kerja yang cemerlang. Penilaian penyelia melalui Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) mengenai kesesuaian pegawai serta ulasan pegawai tentang kesesuaian bidang kerja yang dilaksanakan juga dapat menentukan kesepadan pegawai dan bidang tugas mereka.

Kerajaan juga melalui Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) turut melaksanakan pelbagai program seperti pengurusan kualiti menyeluruh, Piagam Pelanggan, Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja serta MS ISO 9001:2008 bagi memastikan kualiti kerja yang dihasilkan oleh penjawat awam sentiasa mencapai piawaian (*standard*) dan kualiti yang ditetapkan.

Dalam aspek pembangunan pengetahuan, kemahiran dan kualiti peribadi penjawat awam, Kerajaan menggalakkan pembelajaran berterusan dengan mewajibkan setiap penjawat awam menjalani sekurang-kurangnya 7 hari berkursus dalam setahun. Perancangan program-program latihan jangka pendek dalam dan luar negara, program-program sangkutan, *cross fertilisation* dan lain-lain ke arah meningkatkan kualiti pegawai sentiasa digalakkan. Langkah ini bertujuan meningkatkan kompetensi (*competency enrichment*) penjawat awam mengenai perkhidmatan dan bidang tugas mereka.

Selain syarat berkursus, penjawat awam juga perlu menduduki Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) yang menilai kompetensi generik iaitu aspek-aspek umum berkaitan dengan pengetahuan, kemahiran dan kualiti peribadi serta kompetensi fungsional iaitu pengetahuan dan

kemahiran yang berkaitan dengan tugas jawatan mereka. Pusingan kerja (*job rotation*) juga dilaksanakan mengikut tempoh yang sesuai supaya pegawai mendapat pengalaman dan dalam masa yang sama tidak terlalu lama di suatu penempatan. Langkah-langkah ini dilihat berupaya menjadikan penjawat awam lebih produktif dan berkualiti tinggi dalam kerjanya serta dapat memenuhi setiap keperluan penyampaian perkhidmatan.

Sekian. Terima kasih.

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

- PERTANYAAN : BERTULIS**
- DARIPADA : DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID (Kuala Krau)**
- SOALAN : Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID (Kuala Kurau) minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan kejayaan projek berimpak besar (High Impact Project) bagi Program Zon Industri Akuakultur (ZIA) memenuhi keperluan protein (ikan) bagi rakyat negara ini semenjak ia dilancarkan.**
- JAWAPAN : Oleh Y.B Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani**

**Tuan Yang DiPertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan telah memperkenalkan Zon Industri Akuakultur (ZIA). ZIA merupakan pendekatan pembangunan melalui pengezonan kawasan tanah dan

perairan yang dikenal pasti sesuai dibangunkan dengan projek akuakultur komersial.

Untuk pelaksanaan yang lebih berkesan, ZIA telah dipilih sebagai salah satu Projek Berimpak Besar (*High Impact Project* – HIP). Sehubungan dengan itu, Program ‘HIP-ZIA’ akan dilaksanakan di 45 kawasan seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak melibatkan pembangunan kawasan daratan dan perairan seluas 23,956.3 hektar. Secara keseluruhannya, melalui pembangunan kawasan ini dijangka akan menghasilkan sejumlah 104,135.1 tan metrik bernilai RM328.12 juta produk akuakultur menjelang tahun 2010.

Sehingga kini, 27 kawasan seluas 12,665.8 hektar telah dibangunkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia. Pencapaian pengeluaran bagi Program HIP-ZIA bermula tahun 2008 hingga 2010 adalah sebanyak 138,459.97 tan metrik bernilai RM374.4 juta.

Di bawah Projek HIP-ZIA, Projek Ternakan Ikan Tilapia Dalam Sangkar di Tasik Temenggor, Perak yang dibangunkan oleh Syarikat Trapia Sdn. Bhd. telah menunjukkan pencapaian yang sangat memberansangkan iaitu telah mengeluarkan hasil sebanyak 1,6444.4 tan metrik bernilai RM9.18 juta yang mana hasil akuakultur tersebut diproses menjadi filet sebelum dieksport ke luar negara.

M: 66

NO. AUM : 68

NO. AUP : 6866

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED  
SAID [ KUALA KRAU ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 2831**

**SOALAN:**

Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [ Kuala Krau ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sehingga kini sejauh manakah keberkesanan penggunaan CCTV atau berapakah jumlah kes yang berjaya diselesaikan dengan bantuan penggunaan CCTV, dalam membantu Kementerian menyelesaikan kes-kes jenayah di negara ini.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Katil yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia, Kementerian tidak mempunyai statistik mengenai jumlah kes yang berjaya diselesaikan dengan bantuan CCTV. Ini kerana pelbagai kaedah lain juga turut digunakan dalam menyiasat sesuatu kes bagi mendapat penyelesaian yang jitu.

Walaubagaimanapun, tidak dinafikan CCTV memainkan peranan penting dan memberi kesan dalam penurunan kadar jenayah semasa. Ia juga telah banyak membantu dalam penyiasatan pihak polis bagi mendapat gambaran yang lebih jelas berkenaan sesuatu kes yang disiasat berdasarkan fungsinya yang merakam dan menyimpan imej.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Y.B DATO' HAJI ISMAIL BIN  
HAJI MOHAMED SAID  
(KUALA KRAU)**

**SOALAN:**

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan bahawa latihan peralihan kepada bakal Veteran Angkatan Tentera Diraja Malaysia adalah penting bagi mereka untuk menyesuaikan diri serta mendapatkan pekerjaan yang baru setelah bersara. Namun adakah program latihan yang diberikan sekarang berkesan dan bersesuaian dengan kehendak dan keperluan pasaran pekerjaan semasa.

**JAWAPAN:**

Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) menyediakan tiga (3) komponen latihan peralihan iaitu Pra Latihan Peralihan, Latihan Peralihan dan Pasca Latihan Peralihan. Ianya memberi fokus kepada kemahiran untuk meningkatkan sosioekonomi serta kualiti hidup pesara ATM.

Justeru itu, bagi memastikan program latihan yang diberikan berkesan dan bersesuaian dengan kehendak dan keperluan pasaran pekerjaan semasa, program latihan tersebut telah mendapat akreditasi

daripada agensi dalam dan luar negara. Antara akreditasi yang diperolehi adalah dari Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), *Construction Industry Development Board (CIDB)*, *Department of Occupational Safety and Health (DOSH)*, *Training Welding Institute (TWI)*, *City and Guilds* dan *National Restaurant Association (NRA)*. Sebagai contoh PERHEBAT telah mendapat pengiktirafan sebagai Pusat Pentaulahan bagi *City and Guilds* dan *TWI* dalam bidang *Motor Vehicle Engineering, Food Preparation, Food And Beverage Service, Kimpalan dan Non-Destructive Test*.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN****DARIPADA : DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID****SOALAN : NO.68**

**Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [ Kuala Krau ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan :-**

- (a) mengapakah siswazah negara ini memerlukan latihan semula oleh Kementerian Sumber Manusia bagi memastikan lebih sepadan dengan permintaan industri; dan
- (b) apakah tindakan radikal yang dilakukan oleh Kementerian bagi memastikan siswazah tempatan lebih kreativiti, berdaya saing dan terus boleh masuk ke pasaran kerja tanpa memerlukan latihan tambahan selepas tamat pengajian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penawaran program-program di IPT adalah merangkumi disiplin-disiplin ilmu yang menyeluruh seperti kejuruteraan, perubatan, sains gunaan, undang-undang, ekonomi, pendidikan dan teknologi maklumat dan komunikasi. Manakala, program latihan yang disediakan oleh Kementerian Sumber Manusia adalah lebih spesifik dan menjurus kepada latihan kemahiran-kemahiran tertentu, sebagai contoh kemahiran teknikal seperti kerja-kerja kimpalan dan kemahiran bahasa.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan, kementerian telah mengambil langkah-langkah bagi memastikan siswazah tempatan lebih kreatif dan berdaya

saing serta memenuhi kehendak pasaran kerja. Di antara program-program yang telah dijalankan ialah:

- i. **Program Pentauliahan Profesional** di mana para pelajar yang sedang belajar boleh mengikuti program ini bagi mendapatkan sijil yang diiktiraf oleh badan-badan bertauliahan dan profesional dalam bidang-bidang yang berkaitan.
- ii. **Program Finishing School** yang merangkumi *personal grooming, English proficiency, soft skills, resume writing* dan *interview skills*.
- iii. **Apprenticeship Programme** yang memberi penekanan kepada latihan yang menjurus kepada meningkatkan kemampuan graduan untuk merebut peluang pekerjaan di *high end industries*. Selepas tamat latihan, para peserta yang mengikuti program ini akan ditawarkan pekerjaan di syarikat-syarikat yang menyediakan latihan tersebut. Contoh program ini adalah program Code 8 bersama MIMOS Berhad.
- iv. **Bridging Gap Programme** yang melengkapkan pengetahuan dan kemahiran graduan mengikut keperluan majikan. Modul latihan yang disediakan adalah dinamik dan fleksibel mengikut keperluan majikan. Di akhir program, graduan akan ditawarkan pekerjaan di syarikat-syarikat yang terpilih. Contoh program adalah CareerXcell Graduate Employment.
- v. **Program Latihan Keusahawanan** yang mendedahkan graduan mengenai dunia keusahawanan dan memupuk minat mereka untuk menceburι bidang perniagaan dan keusahawanan. Para graduan yang mempunyai atribut yang sesuai akan ditawarkan mengikuti program ini dengan modul-modul khas (mengikut sektor-sektor tertentu seperti pertanian, francais dan sebagainya).

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON [ IPOH BARAT ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON [ IPOH BARAT ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

- (a) jumlah sekolah yang masih belum menerima perkhidmatan air dan elektrik di seluruh negara; dan
- (b) apakah tindakan susulan yang diambil untuk mengatasi masalah ini.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) dan (b)

Secara keseluruhannya, sekolah-sekolah di Sarawak telahpun menikmati kemudahan pembekalan elektrik 24 jam dengan pembekalan set generator kepada 367 buah sekolah.

Manakala di Sabah, sebanyak 78 buah sekolah telah menerima bekalan elektrik melalui Sistem Solar Hibrid Fasa 1 dan projek ini diteruskan dengan pelaksanaan Fasa 2 yang melibatkan baki sebanyak 102 sekolah.

Di Semenanjung pula, sebanyak 19 buah sekolah dalam Pelaksanaan Sistem Solar Hibrid dan 19 buah sekolah masih dalam proses penyambungan talian grid. Kementerian telah mensasarkan bahawa semua sekolah di seluruh negara mendapat kemudahan pada penghujung 2011.

Bagi bekalan air bersih, sebanyak 211 buah sekolah telah menikmati bekalan air bersih dalam program pembekalan air bersih di Sabah dan Sarawak, manakala di Semenanjung 266 sekolah sedang dibekalkan dengan bekalan air bersih dengan kaedah sistem telaga tiub.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI**  
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN :** BUKAN LISAN

**DARIPADA :** TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON  
[ IPOH BARAT ]

**SOALAN :**

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-

- a. jumlah lulusan pelajar perubatan yang sedang dihasilkan setiap tahun oleh agensi-agensi awam dan swasta; dan
- b. jumlah kekurangan doktor di klinik dan hospital di seluruh negara dan apakah masa yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kekurangan ini.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Jumlah graduan perubatan yang bergraduat daripada IPTA dan IPTS pada setiap tahun adalah seperti di jadual berikut:

**BEKALAN PEGAWAI PERUBATAN DARIPADA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) DAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA (IPTS) BAGI TAHUN 2006 HINGGA 2010**

BIL.	TAHUN	INSTITUSI		JUMLAH
		IPTA	IPTS	
1	2006	745	488	1,233
2	2007	809	769	1,578
3	2008	850	715	1,565
4	2009	994	871	1,865
5	2010	1,110	1,110	2,220*
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				<b>8,461</b>

\* Unjuran bekalan Pegawai Perubatan IPTA dan IPTS.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Jumlah jawatan bagi Pegawai Perubatan di KKM pada 31 Disember 2009 adalah sebanyak 29, 245. Daripada jumlah tersebut, 17,292 (59.1%) jawatan telah diisi manakala 11,953 (40.9%) jawatan masih belum diisi.

Dengan mengambilkira juga graduan perubatan lulusan luar negara, Kerajaan menjangkakan pengisian jawatan Pegawai Perubatan di KKM dapat dilaksanakan menjelang tahun 2015. Walau bagaimanapun, pada amnya KKM masih memerlukan tambahan Pegawai Perubatan selepas tahun 2015 untuk menampung keperluan berikutan pembinaan fasiliti-fasiliti kesihatan yang baru serta memperbaiki nisbah Pegawai Perubatan kepada penduduk 1:600 kepada suatu nisbah yang lebih baik setanding dengan negara-negara maju.

NO. SOALAN: 71.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON**

**[IPOH BARAT]**

**SOALAN :**

**Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan:**

(a)Apakah kriteria yang digunakan dalam memilih pemohon untuk  
Biasiswa Nasional dan biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam; dan

(b)Adakah Kerajaan memastikan dan meningkatkan proses pemilihan  
ini dijalankan secara telus.

**JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kriteria / asas pemilihan bagi calon-calon penerima basiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi Program Ijazah Luar Negara (PILN) adalah berdasarkan:

1. Kategori 1 - Kecemerlangan akademik
  - a. penajaan tanpa mengira latar belakang kaum dan sosioekonomi; dan
  - b. pemilihan adalah berdasarkan kecemerlangan akademik (85%) iaitu mereka yang mendapat keputusan sekurang-kurangnya gred 9 A dalam peperiksaan SPM bagi semua mata pelajaran berkaitan dengan bidang yang dipohon, kokurikulum (10%) dan temu duga (5%).
2. Kategori 2 - Populasi kaum
  - a. penajaan mengikut populasi kaum semasa. Peruntukan penajaan yang tidak digunakan sepenuhnya oleh sesuatu kaum akan diagihkan kepada kaum-kaum lain; dan
  - b. pemilihan berdasarkan kecemerlangan akademik iaitu mereka yang mendapat sekurang-kurangnya gred A- dalam semua mata pelajaran berkaitan dengan bidang yang dipohon (75%).

NO. SOALAN: 71.

Di samping itu, calon-calon juga dinilai menerusi kecemerlangan ko-kurikulum (10%) semasa di sekolah menengah, latar belakang sosioekonomi keluarga (10%) dan temu duga (5%);

3. Kategori 3 - Bumiputera Sabah dan Sarawak

- a. penajaan untuk kaum Bumiputera Sabah dan Sarawak dengan bilangan tempat sebanyak 10% berdasarkan agihan 5% untuk Bumiputera Sabah dan 5% untuk Bumiputera Sarawak. Peruntukan penajaan yang tidak digunakan sepenuhnya oleh Bumiputera Sabah dan Sarawak akan diagihkan kepada kategori-kategori lain; dan
- b. pemilihan berdasarkan keputusan SPM sekurang-kurangnya gred A- dalam kombinasi mata pelajaran yang bersesuaian dengan bidang pengajian yang dipohon dan sekurang-kurangnya lulus dalam semua mata pelajaran lain yang diambil (65%). Di samping itu, calon-calon juga dinilai menerusi kecemerlangan kokurikulum (5%) semasa di sekolah menengah, latar belakang sosioekonomi keluarga (25%) dan temu duga (5%).

4. Kategori 4 - Golongan *Socially Disadvantaged*

- a. penajaan adalah untuk pelajar dari sekolah luar bandar dan bandar yang mempunyai kemudahan dan suasana pembelajaran yang terhad dan dari keluarga yang berpendapatan rendah; dan
- b. pemilihan adalah berdasarkan keputusan SPM sekurang-kurangnya gred A- dalam kombinasi mata pelajaran yang bersesuaian dengan bidang pengajian yang dipohon dan sekurang-kurangnya lulus dalam semua mata pelajaran lain yang diambil (65%). Di samping itu, calon-calon juga dinilai menerusi kecemerlangan kokurikulum (5%) semasa di sekolah menengah, latar belakang sosioekonomi (25%) keluarga dan temu duga (5%).

Bagi Program Biasiswa Nasional, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) berperanan mengenal pasti pelajar yang layak menerima tajaan Biasiswa Nasional melalui keputusan SPM 2009 yang diumumkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). Sebanyak 30 tajaan biasiswa dianugerahkan kepada 30 pelajar terbaik lepasan SPM 2009 untuk meneruskan pengajian di universiti terkemuka, sama ada universiti dalam negara ataupun universiti luar negara berdasarkan pilihan masing-masing.

(b) Pihak Kerajaan sentiasa menambah baik dan meningkatkan ketelusan dalam proses pemilihan calon-calon penerima biasiswa. Antara usaha penambahbaikan yang telah diambil untuk mengutamakan keadilan dan ketelusan aduan-aduan yang diterima dari orang awam berhubung pemberian PILN adalah:

- (i) Sesi temu duga yang dijalankan membariskan ahli-ahli panel yang terdiri daripada pegawai Kerajaan dari pelbagai kaum dan skim perkhidmatan.
- (ii) Urusan temu duga telah dijalankan secara berkumpulan mengikut dua kelompok utama bidang pengajian iaitu kritikal dan bukan kritikal.
- (iii) Pemilihan calon penerima PILN ditentukan oleh Jawatankuasa Induk Pemilihan PILN yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.
- (iv) Urusan temu duga diselaraskan oleh Jawatankuasa Temu duga PILN yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan).
- (v) Aduan-aduan dipantau melalui Sistem dan Garis Panduan Pengurusan Aduan yang sedang berkuat kuasa.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON**

**[IPOH BARAT]**

**SOALAN :**

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ] minta PERDANA

**MENTERI menyatakan:**

(a)kenapakah terdapat perbezaan yang ketara di antara pelajar tempatan dan antarabangsa dalam tempoh perjanjian bagi penerima biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam; dan

(b)apakah yang mendorong Kerajaan mengambil tindakan sebegini.

**JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) hanya menaja pelajar-pelajar yang terdiri daripada warganegara Malaysia sahaja.

Tempoh perjanjian bagi penerima basiswa JPA sama ada yang menuntut di dalam mahupun di luar negara adalah tertakluk kepada tempoh pengajian yang ditetapkan oleh pihak universiti mengikut keperluan bidang masing-masing. Adalah menjadi tanggungjawab JPA untuk menawarkan basiswa bergantung kepada tempoh pengajian di universiti tersebut bagi membolehkan penerima basiswa menamatkan pengajian dengan jayanya. Penentuan tempoh pengajian adalah di bawah bidang kuasa Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang menawarkan kursus berkenaan.

Sekian. Terima kasih.

No: 73

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : KULASEGARAN A/L MURUGESAN (IPOH BARAT)**

**SOALAN : NO. 73**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan;

- (a) apakah kaedah pengiraan bil yang diimplementasikan oleh TNB Perak; dan
- (b) apakah kaedah yang telah diluluskan oleh Kerajaan dalam pengiraan bil-bil elektrik bagi kediaman serta kenapakah wujudnya sistem pengiraan bil dua bulan sekali yang bersongsang dengan akta yang sedia ada.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,  
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,  
Kaedah pengiraan bil elektrik bulanan pengguna yang dilaksanakan oleh pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) di seluruh negara termasuk di negeri Perak adalah sama dan selaras dengan Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Bekalan Pemegang Lesen (Pindaan) 2002. Ini bermakna, kadar yang dikenakan adalah berdasarkan jumlah sebenar penggunaan tenaga elektrik setiap bulan dan dicajkan mengikut kadar tarif yang diluluskan oleh Kerajaan.

Berdasarkan tarif elektrik yang diluluskan pada 1 Julai 2008, pengiraan bil bagi sektor domestik adalah dikategorikan kepada beberapa jaluran (*band*), dengan izin. Kategori pertama adalah penggunaan elektrik kurang daripada 400kWj dan kategori kedua adalah penggunaan elektrik yang melebihi 400kWj. Oleh yang demikian, caj atau pengiraan bil yang dikenakan kepada pengguna domestik adalah bergantung kepada jumlah penggunaan elektrik.

Di samping itu, kaedah pembacaan bil dua bulan sekali atau pembacaan meter secara *alternate reading*, dengan izin adalah tidak bercanggah dengan peraturan sedia ada, di mana Peraturan 4(1), Peraturan-Peraturan Bekalan Pemegang Lesen 1990 telah memperuntukkan bahawa:

*“Bil-bil berkenaan dengan amaun yang kena dibayar kepada pemegang lesen akan diberikan kepada pengguna secara bulanan dan hendaklah dibayar dalam masa 30 hari selepas penyerahannya.”*

Ini bermakna pihak utiliti perlu menyerahkan bil penggunaan bekalan elektrik kepada pengguna setiap bulan dan peraturan ini juga tidak menghalang tempoh pembacaan bil dibuat setiap dua bulan.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kaedah pembacaan meter dua bulan sekali ini hanya dilaksanakan di kalangan sebilangan kecil pengguna sahaja iaitu kira-kira 10 peratus (10%) sahaja daripada jumlah keseluruhan pengguna elektrik di Semenanjung. Semenjak kaedah ini dilaksanakan pada tahun 2009 beberapa penambahbaikan ke atas kaedah pengiraan tersebut telah diperkenalkan khususnya dari segi butiran bil

bagi meningkatkan pemahaman pengguna terhadap kaedah pembacaan bil elektrik.

Oleh yang demikian, untuk memastikan tahap perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna, TNB perlu melaksanakan *best practices*, dengan izin, termasuk menanda aras atau *benchmarking*, dengan izin, perkhidmatan TNB dan perkhidmatan dari negara-negara maju lain yang telah melaksanakan sistem bil secara *alternate meter reading*. Dalam pada itu, Kerajaan juga akan memastikan bahawa peraturan sedia ada akan diperketatkan lagi serta mengarahkan pihak TNB untuk mengkaji semula atau menambah baik sistem *alternate meter reading* yang sedang dilaksanakan sekarang.

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** BUKAN LISAN

**DARIPADA :** Y.B.TUAN LIM KIT SIANG (IPOH TIMUR)

**SOALAN** :

**Y.B. Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur) minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai penuh perjanjian-perjanjian petroleum yang ditandatangani oleh PETRONAS di seluruh dunia bersama nilai-nilai setiap perjanjian yang berkenaan.**

**JAWAPAN** :

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PETRONAS melalui anak syarikatnya, PETRONAS Carigali Sdn. Bhd. (PCSB) telah menandatangani sebanyak 82 usahasama bagi aktiviti carigali di 24 buah negara di seluruh dunia seperti Sudan, Mesir, Chad, Myanmar, Indonesia dan Vietnam.

Usahasama ini dilaksana berdasarkan perjanjian-perjanjian petroleum yang telah ditandatangani oleh PCSB dengan pihak kerajaan dari negara yang terlibat serta rakan kongsi yang terdiri daripada syarikat-syarikat minyak dan gas yang lain. Walau bagaimanapun, perjanjian-perjanjian ini tertakluk kepada perjanjian kerahsiaan (*confidentially agreement*), di mana maklumat yang terkandung di dalam perjanjian tersebut tidak boleh dimaklumkan kepada umum tanpa mendapat persetujuan daripada semua pihak yang terlibat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** BUKAN LISAN

**DARIPADA :** TUAN LIM KIT SIANG (IPOH TIMUR)

**SOALAN :**

**Y.B. Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur) minta PERDANA MENTERI menyatakan butir-butir mengenai kakitangan PETRONAS:**

- (a) Di dalam negeri; dan
- (b) Di setiap negara asing

**JAWAPAN :**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, butiran mengenai kakitangan yang berada di bawah terma dan syarat perkhidmatan PETRONAS di dalam Malaysia adalah seramai 23,284 orang manakala di negara asing adalah seramai 1,397 orang.

Jumlah ini tidak termasuk kakitangan yang berada di bawah terma dan syarat perkhidmatan yang lain seperti MISC Berhad, *Prince Court Medical Centre Sdn Bhd* dan ENGEN Limited.

Ms : 76 dan 77

**SJ.B/(TULIS)/(8) dan (9)**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG (IPOH TIMUR)**

**PERTANYAAN : TULIS**

**TARIKH : 07.06.2010 - 13.07.2010**

- (i) Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah peruntukan Persekutuan kepada negeri Sabah setiap tahun sejak 1963, dan tujuan setiap peruntukan berkenaan; dan
- (ii) Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah peruntukan Persekutuan kepada negeri Sarawak setiap tahun sejak 1963, dan tujuan setiap peruntukan berkenaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan menyediakan peruntukan secara terus kepada

Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dalam bentuk pemberian dan juga bantuan kewangan.

2. Pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Negeri (termasuk Sabah dan Sarawak) dibuat berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan, undang-undang dan juga keputusan-keputusan yang dibuat oleh Jemaah Menteri dan Majlis Kewangan Negara. Jenis-jenis pemberian dan tujuan setiap pemberian adalah seperti berikut:

<b>PEMBERIAN DI BAWAH PERATURAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN</b>	
<b>Jenis Pemberian</b>	<b>Tujuan Pemberian</b>
Pemberian Mengikut Bilangan Orang <i>(Capitation Grant)</i>	<p>Pemberian ini dibuat berdasarkan kepada peruntukan Perkara 109(1)(a), Perlembagaan Persekutuan yang bertujuan untuk membantu perbelanjaan mengurus kerajaan-kerajaan negeri.</p> <p>Pengiraan mengikut anggaran bilangan penduduk berdasarkan Banci Penduduk oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.</p>
Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri	<p>Pemberian ini dibuat mengikut peruntukan Perkara 109(1)(b), Perlembagaan Persekutuan bertujuan membantu Kerajaan Negeri menyenggara jalan-jalan negeri; dan</p> <p>Jenis-jenis jalan yang diberi bantuan adalah seperti berikut:</p>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) jalan yang mencapai mutu minimum;</li> <li>(ii) jalan substANDARD (jalan kawasan perumahan kos rendah, jalan lorong belakang, jalan kampung dan jalan pertanian); dan</li> <li>(iii) jalan sehala yang menghala ke pulau pelancongan.</li> </ul>
Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup	<p>Pemberian dibuat melalui penubuhan Kumpulan Wang Rizab Negeri (<i>State Reserved Fund</i>) di bawah Perkara 109(6), Perlembagaan Persekutuan.</p> <p>Pemberian ini bertujuan untuk membantu negeri-negeri khususnya negeri yang tahap pembangunan yang masih rendah berupaya melaksanakan projek-projek pembangunannya sesuai dengan matlamat pembangunan sosioekonomi yang seimbang di seluruh negara.</p>
Pemberian Khas Tahunan (Negeri Sabah dan Sarawak)	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Pemberian ini adalah di bawah Perkara 112(c)(a), Perlembagaan Persekutuan yang mana Kerajaan Sabah dan Sarawak diperuntukkan Pemberian Khas Tahunan yang tidak dinikmati oleh negeri lain bagi membantu tahap pembangunan seimbang dengan kemajuan pembangunan negeri di Semenanjung Malaysia; dan</li> <li>ii) Kelayakan yang diterima adalah : <ul style="list-style-type: none"> <li>Sarawak - RM16.0 juta</li> <li>Sabah - RM26.7 juta</li> </ul> </li> </ul>
Pemberian Di Bawah Senarai Bersama	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Pemberian ini diperuntukkan di bawah Perkara 74(1), 80(1) dan 82, Perlembagaan Persekutuan yang mana</li> </ul>

	<p>Kerajaan Persekutuan akan membiayai 50% dari kos pengurusan bagi perkara berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- kebajikan masyarakat</li> <li>- perkhidmatan haiwan</li> <li>- pengairan dan saliran</li> </ul> <p>ii) Pemberian adalah terhad kepada 10% kenaikan daripada perbelanjaan yang dibenarkan tahun sebelumnya.</p>
--	---

## **PEMBERIAN YANG BERASASKAN PERATURAN UNDANG-UNDANG**

<b>Jenis Pemberian</b>	<b>Tujuan Pemberian</b>
Pemberian Pertambahan Hasil	<p>i) Pemberian ini dibuat di bawah Akta Pemberian Pertambahan Hasil 1977 dan Akta Pertambahan Hasil (Pindaan) 2007; dan</p> <p>ii) Pemberian ini berdasarkan prinsip <i>revenue sharing</i> iaitu apabila terdapat pertambahan di dalam hasil Kerajaan Persekutuan di dalam sesuatu tahun kewangan jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya.</p>
Pemberian Tahunan Kepada PBT (Geran Tahunan Berdasarkan Kaedah Keseimbangan)	Pemberian ini berdasarkan Akta <i>State Grants (Maintenance of Local Authorities)</i> 1982 yang pada asalnya bertujuan untuk menampung kekurangan kewangan di dalam perbelanjaan mengurus Pihak-pihak Berkuasa Tempatan di Semenanjung Malaysia. Majlis Kewangan Negara pada 25 Ogos 2009 telah bersetuju supaya pemberian geran ini dipanjangkan kepada PBT-PBT di Negeri Sarawak (26 PBT) dan Sabah (22 PBT) mulai tahun 2010.

**BANTUAN KEWANGAN LAIN YANG DIPUTUSKAN OLEH  
(MKEWN) ATAU KERAJAAN**

<b>Jenis Pemberian</b>	<b>Tujuan Pemberian</b>
Pemberian Bantuan Kerajaan Persekutuan Bagi Membayar Bil Elektrik Lampu Jalan dan Lampu Isyarat PBT	Pemberian ini diluluskan oleh Majlis Kewangan Negara pada 21 September 2007 supaya Kerajaan Persekutuan membiayai bersama secara 50:50 dengan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan bayaran bil elektrik lampu jalan dan lampu isyarat dalam kawasan PBT.
Bayaran Perkhidmatan	<p>i) Selaras dengan peruntukan Perkara 80(5), Perlembagaan Persekutuan, Majlis Kewangan Negara pada 28 Januari 1978 telah menetapkan bahawa kerajaan negeri dibenarkan menuntut sejumlah bayaran perkhidmatan bagi projek-projek Persekutuan yang dilaksanakan di negeri-negeri yang melibatkan kakitangan negeri; dan</p> <p>ii) Bagi projek yang penglibatan pegawai/kakitangan negeri melebihi 50%, kadar tuntutan ialah 10% (Semenanjung Malaysia) dan 12% (Sabah dan Sarawak) daripada kos pembinaan projek manakala penglibatan kurang dari 50% pula, kadar tuntutan dibenarkan adalah 5% (Semenanjung Malaysia) dan 6% (Sabah dan Sarawak) daripada kos pembinaan.</p>
Pemberian Bayaran Pemansuhan Duti Import Dan Eksais Atas Barang Petrol Kepada Negeri Sabah dan Sarawak	<p>i) Pemberian ini dibuat atas dasar keprihatinan Kerajaan Persekutuan untuk membantu meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dengan mengambil kira jumlah peruntukan yang pernah diterima oleh Kerajaan Negeri sebelum</p>

	<p>pelaksanaan AFTA.</p> <p>ii) Jumlah pemberian setahun adalah RM120 juta bagi Negeri Sabah dan RM120 juta bagi Negeri Sarawak.</p>
--	--

Kerajaan Persekutuan menyalurkan secara terus pemberian-pemberian tersebut kepada Kerajaan Negeri dan Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan di Sabah dan Sarawak. Jumlah keseluruhan pemberian-pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Negeri Sabah adalah seperti di **Lampiran A** manakala bagi Negeri Sarawak seperti di **Lampiran B**.

2. Selain dari itu, Kerajaan Persekutuan juga menyediakan peruntukan melalui Kementerian/jabatan Persekutuan bagi melaksanakan pelbagai program dan projek-projek pembangunan berdasarkan Rancangan Pembangunan Lima Tahun bermula dari Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970) hingga Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010).

3. Projek-projek pembangunan yang dilaksanakan di Sabah dan Sarawak antara lain bertujuan untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kualiti hidup rakyat dari segi pendidikan, kesihatan, peluang pekerjaan dan sebagainya melalui pembinaan sekolah-sekolah dan institusi-institusi pendidikan tinggi, hospital dan klinik, jalan raya, bekalan air bersih, elektrik dan lain-lain. Jumlah siling peruntukan pembangunan di bawah Rancangan Pembangunan Lima Tahun bagi tempoh Rancangan

Malaysia Keenam hingga Rancangan Malaysia Kesembilan bagi Negeri Sabah dan Sarawak masing-masing seperti di **Lampiran C** dan **Lampiran D**.

**Lampiran A**

**Peruntukan Pemberian Kerajaan Persekutuan Kepada  
Kerajaan Negeri Sabah 1963-2010**

<b>Tahun</b> <b>(RM)</b>	<b>Sabah</b> <b>(RM)</b>
1963	-
1964	-
1965	17,151,159.00
1966	23,668,859.00
1967	27,372,694.00
1968	33,772,694.00
1969	-
1970	45,162,694.00
1971	33,277,704.00
1972	32,740,010.00
1973	35,313,010.00
1974	8,613,020.00
1975	11,129,792.00
1976	40,601,166.00
1977	41,304,176.00
1978	44,524,407.00
1979	45,278,807.00
1980	45,478,807.00
1981	51,520,559.00
1982	55,363,900.00
1983	71,998,800.00
1984	70,638,100.00
1985	77,008,308.00
1986	176,676,303.61
1987	81,740,686.59
1988	122,663,854.89
1989	106,607,600.00
1990	155,409,018.63
1991	161,186,396.65
1992	180,984,001.72
1993	197,518,119.82
1994	222,744,238.69
1995	213,830,103.24
1996	223,067,773.00
1997	229,203,871.00
1998	238,725,109.00
1999	271,413,357.00
2000	267,558,392.00
2001	339,329,496.55
2002	393,525,697.35
2003	382,319,812.42
2004	450,051,502.00
2005	431,421,043.00
2006	467,358,738.48
2007	676,285,790.00
2008	720,969,788.00
2009	698,042,091.00
2010*	374,955,398.00
<b>JUMLAH</b>	<b>8,595,506,848.64</b>

"-" - Maklumat tidak diperolehi

\* - Pemberian sehingga 31 Jun 2010

**Lampiran B**

**Peruntukan Pemberian Kerajaan Persekutuan Kepada  
Kerajaan Negeri Sarawak 1963-2010**

<b>Tahun</b> <b>(RM)</b>	<b>Sarawak</b> <b>(RM)</b>
1963	-
1964	-
1965	21,213,156
1966	25,746,146
1967	30,083,441
1968	35,614,050
1969	-
1970	21,678,817
1971	22,698,126
1972	26,660,010
1973	28,519,010
1974	12,519,020
1975	9,829,772
1976	36,631,242
1977	38,264,416
1978	41,827,812
1979	41,892,812
1980	42,092,812
1981	39,081,860
1982	48,509,598
1983	61,697,078
1984	65,506,700
1985	63,804,996
1986	70,046,480
1987	67,998,200
1988	70,717,100
1989	65,719,200
1990	76,979,300
1991	79,247,275
1992	80,069,200
1993	90,709,300
1994	86,167,217
1995	87,332,957
1996	157,997,740
1997	152,777,502
1998	163,512,628
1999	181,500,372
2000	188,304,553
2001	229,358,560
2002	329,461,535
2003	356,246,341
2004	279,056,014
2005	351,566,545
2006	355,879,561
2007	602,865,580
2008	661,513,927
2009	720,504,512
2010*	431,509,129
<b>JUMLAH</b>	<b>6,650,911,603</b>

"-" - Maklumat tidak diperolehi

\* - Pemberian sehingga 31 Jun 2010

**Lampiran C**

**Peruntukan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Kepada Kerajaan  
Negeri Sabah Di bawah Rancangan Pembangunan 5 Tahun Dari Tempoh  
RMK-6 Hingga RMK-9 (1991-2010)**

<b>Rancangan Malaysia (RMK)</b>	<b>Tempoh RMK (Tahun)</b>	<b>Sabah (RM juta)</b>
RMK-6	1991-1995	2,140
RMK-7	1996-2000	6,534
RMK-8	2001-2005	13,180
RMK-9	2006-2010	20,549
<b>Jumlah</b>		<b>42,403</b>

**Lampiran D**

**Peruntukan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Kepada Kerajaan  
Negeri Sarawak Di bawah Rancangan Pembangunan 5 Tahun Dari  
Tempoh RMK-6 Hingga RMK-9 (1991-2010)**

<b>Rancangan Malaysia (RMK)</b>	<b>Tempoh RMK (Tahun)</b>	<b>Sarawak (RM juta)</b>
RMK-6	1991-1995	3,220
RMK-7	1996-2000	6,444
RMK-8	2001-2005	12,817
RMK-9	2006-2010	16,091
<b>Jumlah</b>		<b>38,572</b>

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** BUKAN LISAN

**DARIPADA :** TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]

**SOALAN :**

**Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah biasiswa yang diberikan oleh Kerajaan/agensi-agensi Persekutuan serta GLC Kerajaan, mengikut butir-butir kaum, setiap tahun sejak tahun 2000.

**JAWAPAN :** **YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menawarkan 2 bentuk program penajaan kepada pelajar-pelajar yang memperolehi keputusan yang cemerlang iaitu Program Ijazah Luar Negara (PILN) dan Program Ijazah Dalam Negara (PIDN). Jumlah pelajar yang ditawarkan biasiswa JPA di luar dan dalam negara mengikut pecahan kaum sejak tahun 2001 adalah seperti berikut:

<b>JUMLAH PELAJAR YANG DITAWARKAN BIASISWA JPA DI LUAR NEGARA DARI TAHUN 2001 HINGGA 2010</b>			
<b>TAHUN</b>	<b>BILANGAN BUMIPUTERA</b>	<b>BILANGAN BUKAN BUMIPUTERA</b>	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>
2001	609	152	761
2002	999	250	1,249
2003	1,314	329	1,643
2004	1,187	297	1,484
2005	1,040	260	1,300
2006	1,143	357	1,500
2007	1,170	630	1,800
2008	1,100	900	2,000
2009	1,176	924	2,100
2010	843	657	1,500
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>10,581</b>	<b>4756</b>	<b>15,337</b>

**JUMLAH PELAJAR YANG DITAWARKAN BIASISWA JPA DI  
DALAM NEGARA DARI TAHUN 2001 HINGGA 2010**

<b>TAHUN</b>	<b>BILANGAN BUMIPUTERA</b>	<b>BILANGAN BUKAN BUMIPUTERA</b>	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>
2001	8,723	969	9,692
2002	6,643	623	7,266
2003	4,340	407	4,747
2004	3,994	430	4,424
2005	4,693	593	5,286
2006	4,727	1,026	5,753
2007	6,682	893	7,575
2008	8,432	1,568	10,000
2009	7,821	2,179	10,000
2010*	-	-	-
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>56,055</b>	<b>8,688</b>	<b>64,743</b>

\* Permohonan Program Ijazah Dalam Negara (PIDN) mula dibuka pada bulan Julai 2010.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI  
(TENOM)**

**SOALAN :**

**Datuk Raime Bin Unggi (Tenom) Minta PERDANA MENTERI menyatakan pelaksanaan program yang telah dilaksanakan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) di Sabah, khususnya di Parlimen Tenom.**

**JAWAPAN :**

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak **RM21.74 bilion** bagi melaksanakan **3,739 projek** pembangunan RMK-9 di seluruh negeri Sabah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM142.18 juta** telah diperuntukkan bagi melaksanakan **94 projek** pembangunan RMK-9 di Parlimen Tenom.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK RAIME BIN UNGGI (TENOM)**

**SOALAN :**

**Datuk Raime Bin Unggi (Tenom)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kadar kemiskinan di Tenom telah diatasi dalam tempoh 10 tahun lalu dan apakah program yang telah dilaksanakan bagi memastikan kadar kemiskinan terus berkurangan.

**JAWAPAN :**

Sistem eKasih mula dibangunkan dan digunakan hanya pada 2008. Data dan maklumat yang terdapat di dalam eKasih adalah berdasarkan kepada maklumat pendapatan dan bantuan yang diterima bagi tempoh 12 bulan pada tarikh maklumat dan profil tersebut dikemaskini. Justeru, kadar atau insiden kemiskinan bagi sesebuah daerah bagi tempoh sebelum 2008 tiada di dalam pangkalan data eKasih.

Walau bagaimanapun, data yang dikemaskini sehingga September 2007 daripada Sistem Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR), Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah yang mana telah sedia wujud sebelum eKasih dibangunkan menunjukkan jumlah Ketua Isi Rumah (KIR) Miskin Tegar (MT) Produktif bagi Daerah Tenom adalah berjumlah 777 KIR, manakala bagi MT Tidak Produktif adalah berjumlah 88 KIR dan 232 KIR MT Orang Kurang Upaya.

Terdapat banyak program dan bantuan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat dan Negeri, khusus bagi memastikan kadar kemiskinan terus berkurangan. Antara program yang dikhurasukan oleh agensi Kerajaan Negeri Sabah kepada golongan sasar adalah seperti Bantuan Membuat dan Membaiki Rumah dan Bantuan Perumahan Mini Estet Sejahtera (Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah), Skim Bantuan Kredit Bersubsidi dan Skim Peningkatan Taraf Sosial Nelayan Sabah (Koperasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah), Bantuan Makanan Bulanan Zakat/Baitulmal dan Bantuan Pakaian Sekolah Zakat/Baitulmal (Majlis Agama Islam Negeri Sabah) serta lain-lain bantuan lagi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN :** BUKAN LISAN  
**DARIPADA :** DATUK RAIME BIN UNGGI  
[ TENOM ]  
**TARIKH :**  
**SOALAN :**

**Datuk Raime Bin Unggi [ Tenom ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah peruntukan bagi menaik taraf hospital dan klinik serta perancangan pembangunan fizikal dan peralatan perubatan akan datang di Parlimen Tenom.

**Tuan Yang Dipertua,**

Di dalam Rancangan Malaysia Ke-9, pihak kementerian sedang menaiktaraf Jabatan Kecemasan, Dewan Bedah dan unit-unit yang berdekatan di Hospital Tenom yang melibatkan jumlah peruntukan sebanyak RM10 juta. Di samping itu, sejumlah RM3.78 juta disalurkan untuk pembinaan Kuarters Jenis 4D dan 16G di hospital tersebut. Di bawah peruntukan naiktaraf, pemberian dan ubahsuai tahun 2010, sebanyak RM 510,000.00 disalurkan untuk pemberian kuarters, naiktaraf wad, sistem PABX dan sistem pembentungan di Hospital Tenom. Pada tahun 2009, hospital ini telah menerima peruntukan berjumlah RM265,340.00 bagi pembelian peralatan perubatan.

Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 1 (PRE 1) tahun 2009, Hospital Tenom telah menerima peruntukan sebanyak RM 475,461.00 bagi kerja-kerja naiktaraf dan ubahsuai hospital. Bagi Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE 2) tahun 2009, sebanyak RM 300,000.00 telah disalurkan bagi kerja-kerja membina tempat letak kereta untuk kegunaan orang awam manakala pada tahun

2010, RM 142,500.00 telah diperuntukkan bagi kerja-kerja membaiki lantai di kuarters Hospital Tenom.

Selain daripada projek naiktaraf di Hospital Tenom, kementerian juga telah memperuntukan sebanyak RM 218,210.22 bagi kerja-kerja naiktaraf klinik-klinik di Parlimen Tenom di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 1 tahun 2009 dan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2 tahun 2010, sejumlah RM32,505.00 disalurkan bagi kerja-kerja pendawaian semula elektrik Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Tenom. Bagi peruntukan naiktaraf, pemberian dan ubahsuai klinik-klinik pada tahun 2010, sejumlah RM 110,000.00 telah disalurkan.

Bagi perancangan pada masa akan datang, pihak kementerian telah memohon Klinik Desa Jenis 4G Lagud Seberang dan Klinik Desa 4G Kg. Batu-Batu dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) bagi Parlimen Tenom. Selain daripada itu sebuah Klinik Kesihatan Jenis 3 juga telah dipohon bagi Parlimen Tenom. Kesemua permohonan ini masih di peringkat pertimbangan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA**  
**DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
 DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI  
 [ TENOM – BN ]

**SOALAN NO. 82**

**Datuk Raime Bin Unggi [ Tenom – BN ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapa ramai belia yang terlibat dalam Skim Belia Niaga (SBN) dan berapa jumlah pinjaman yang telah disalurkan kepada golongan belia mengikut negeri-negeri.

**JAWAPAN**

Sehingga Disember 2009, seramai 960 orang belia telah mendapat manfaat daripada pinjaman Skim Belia Niaga dengan jumlah pinjaman sebanyak RM34,011,840. Berikut adalah jumlah pinjaman Skim Belia Niaga yang telah disalurkan mengikut negeri:

BIL	NEGERI	TAHUN 2008 (RM)	TAHUN 2009 (RM)
1	Perlis	227,000.00	520,000.00
2	Kedah	787,000.00	1,735,000.00
3	P.Pinang	618,000.00	2,978,000.00
4	Perak	643,000.00	2,848,000.00
5	Selangor	1,175,000.00	2,937,000.00
6	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	350,000.00	750,000.00
7	Negeri Sembilan	2,020,000.00	6,305,000.00
8	Melaka	765,000.00	3,432,000.00
9	Johor	1,323,000.00	6,282,840.00
10	Pahang	814,000.00	1,659,000.00
11	Terengganu	374,000.00	962,000.00
12	Kelantan	155,000.00	1,154,000.00
13	Sarawak	160,000.00	865,000.00
14	Sabah	335,000.00	1,534,000.00
15	Wilayah Persekutuan Labuan	0.00	50,000.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>9,746,000.00</b>	<b>34,011,840.00</b>

## **SOALAN NO: 83**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN:** BERTULIS

**DARIPADA:** Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI

**SOALAN:**

**Datuk Raime Bin Unggi [ Tenom ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh manakah keberkesanan garis panduan dan mekanisme bagi menempatkan dan memantau para pelajar yang mengikuti latihan industri dapat memberi jaminan bagi mengelak daripada menjadi tenaga kerja murahan di negara sendiri.

PR-1232-T38317

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam menjamin keberkesanan dan memberi jaminan kepada pelajar yang mengikuti latihan industri bagi mengelak daripada menjadi tenaga kerja murahan di negara sendiri, Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah berkerjasama dengan pihak industri dalam membangunkan standard dan kurikulum yang akan digunakan oleh institusi latihan yang ditauliahkan oleh JPK sejajar dengan Industrial Master Plan, Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) dan Pelan Induk Latihan Dan Pembangunan Kemahiran Pekerjaan Malaysia.

Sehubungan dengan itu, satu kaedah latihan yang berasaskan industri juga telah diperkenalkan yang dikenali sebagai Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dimana 70% latihan akan dijalankan di industri dan 30% di institusi latihan. Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (NASDA) yang telah dikuatkuasakan pada tahun 2006 juga telah

memberi kuasa kepada JPK untuk menjaga kualiti pusat latihan, tenaga pengajar dan juga pelatih-pelatih yang dikeluarkan oleh pusat-pusat bertauliah.

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Manusia (JTM) juga telah menyediakan garis panduan dan mekanisme yang digunakan untuk menempatkan dan memantau para pelajar Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) yang mengikuti latihan industri. Latihan ini memberi pendedahan awal kepada pelajar terhadap beberapa elemen penting yang berkait rapat dengan alam pekerjaan

Bagi memastikan tujuan serta matlamat Latihan Industri para pelajar berjaya dicapai, maka pemantauan secara berjadual telah dijalankan. Pemantauan yang dilaksanakan adalah seperti berikut :-

- i. Rekod kehadiran pelajar semasa Latihan Industri perlu dikemukakan ke institut setiap bulan selepas pengesahan majikan pada minggu pertama bulan berikutnya. Bagi pelajar yang gagal menghadiri latihan kurang daripada 90%, maka latihan industri dianggap gagal.
- ii. Pegawai Penilai akan mengadakan lawatan untuk memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada para pelajar serta berbincang dengan para pelajar / majikan sekiranya terdapat sebarang masalah yang tertentu semasa menjalani latihan. Di samping itu lawatan ini juga bertujuan untuk memupuk persefahaman dan hubungan baik antara Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia dengan organisasi/firma serta berbincang perkara-perkara yang bersangkutan latihan.
- iii. Buku Log adalah merupakan buku catatan kerja harian para pelajar. Berpandukan catatan yang terdapat di dalam buku log ini, Pegawai Penilai dapat mengetahui serta membuat penilaian berhubung kerja yang dilakukan oleh para pelajar. Buku Log perlu disemak dan ditandatangani oleh penyelia organisasi secara mingguan. Buku Log yang telah lengkap diisi dan disahkan perlu dikemukakan kepada

Jabatan Tenaga Manusia dalam tempoh satu ( 1 ) minggu selepas tamat Latihan Industri.

- iv. Bagi pelajar Diploma dan Diploma Lanjutan di Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (JTM), pelajar yang menjalani Latihan Industri adalah dikehendaki menyediakan satu laporan eksekutif yang lengkap berhubung dengan latihan yang telah dilalui. Kandungan laporan hendaklah merangkumi segala kerja atau aktiviti yang telah dijalankan di sepanjang jangka latihan berkenaan.
- v. Jabatan Tenaga Manusia seterusnya akan mendapatkan penilaian majikan terhadap pelajar yang menjalani latihan industri di premis mereka.

## **SOALAN NO: 84**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB

SOALAN:

**Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan **apakah langkah-langkah berkesan** Kerajaan untuk mengatasi nasib dan penderitaan kira-kira 30 hingga 40 peratus pekerja yang masih berada dalam kumpulan berpendapatan rendah.

PR-1232-T37699

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia (KSM) prihatin dan berusaha dalam membantu golongan berpendapatan rendah dalam meningkatkan taraf hidup mereka ke tahap yang lebih baik.

KSM telah menjalankan pelbagai program dan aktiviti bagi membantu golongan yang berpendapatan rendah. Bagi tempoh Januari 2010 sehingga 25 Mei 2010 sebanyak **83 program khas** telah dilaksanakan oleh **Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri** dan **Pejabat Tenaga Kerja (PTK) Daerah**. Daripada 83 program, **63 program adalah program khas yang disasarkan kepada golongan berpendapatan rendah** dan **20 program lagi** bagi golongan gelandangan atau kutu rayau.

Sepanjang tempoh tersebut, sebanyak 31,109 jawatan kosong telah ditawarkan oleh majikan. Sebanyak 6,777 pencari kerja telah memohon jawatan tersebut, dimana 6,508 pencari kerja bagi golongan berpendapatan rendah dan 269 bagi golongan gelandangan.

Dari jumlah tersebut, seramai 2,719 orang telah berjaya mendapatkan pekerjaan iaitu 82.5% adalah kategori siswazah dan 17.5% adalah kategori bukan siswazah.

Kementerian Sumber Manusia (KSM) juga menjalankan program ***home working*** bagi membantu golongan yang kurang bernasib baik seperti Orang Kurang Upaya (OKU), ibu tunggal, Suri Rumah dan Keluarga Miskin Tegar bagi menambah dan menjana pendapatan mereka. Setakat Mei 2010 sebanyak 2,646 peserta berjaya mengikuti program ini dengan melibatkan 149 buah syarikat. Peserta program ini mendapat pendapatan tambahan sebanyak RM 400- RM500 sebulan.

Bagi memastikan pekerja di sektor perladangan berada dalam keadaan selesa, Kerajaan telah bersetuju memperuntukkan sebanyak RM109 juta bagi melaksanakan penyambungan bekalan air dari sumber awam ke atas 182 estet yang berkeluasan kurang 1,000 ekar dengan jarak 5 km ke bawah dari punca air awam. Projek ini akan dilaksanakan dalam tahun 2011 dan 2012 di bawah RMK 10 manakala baki sebanyak 424 estet dicadangkan dilaksanakan pada tahun 2013 sehingga program di bawah RMK 10 berakhir. Pelaksanaan program ini diharapkan dapat menarik minat rakyat tempatan untuk bekerja di ladang bagi menyara kehidupan mereka dan dalam masa yang sama dapat mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing di sektor perladangan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB**

**SOALAN : NO.85**

**Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan apabila universiti-universiti utama di Malaysia terus jatuh beberapa takuk dalam senarai Kedudukan 200 Universiti Asia yang dijalankan oleh Times Higher Education-QS World University Rankings.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) telah menetapkan sasaran pada tahun 2020, sekurang-kurangnya 3 IPT diiktiraf di antara 100 universiti dan satu antara 50 universiti terkemuka dunia. Lanjutan daripada itu, kementerian sentiasa memberi galakan kepada IPTA untuk mencapai sasaran yang ditetapkan ini. Usaha-usaha yang dijalankan untuk meningkatkan *ranking* termasuklah meningkatkan penerbitan dalam jurnal berimpak tinggi, menambah bilangan pensyarah PhD, membawa masuk pensyarah luar yang berkaliber dalam penyelidikan, mempertingkatkan hasil penyelidikan pengkomersilan dan memperkuuhkan jaringan di peringkat antarabangsa.

Di bawah Pelan Tindakan PSPTN, KPT sedang melaksanakan 22 projek agenda kritikal yang mana sebahagian daripadanya adalah secara langsung bertujuan untuk memperkasakan universiti tempatan, khususnya IPTA untuk bersaing dipersada antarabangsa. Di antaranya ialah My Brain 15, pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan pembangunan serta pengantarabangsaan. Salah satu projek agenda kritikal bagi memperkasakan pengajian tinggi di persada dunia ialah dengan melaksanakan Program APEX atau Accelerated Program For Excellence. Program APEX diwujudkan bagi meningkatkan keupayaan dan kecemerlangan institusi pengajian tinggi Malaysia supaya setanding dengan universiti terkemuka dunia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN :** BUKAN LISAN  
**DARIPADA :** TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB  
[ KUBANG KERIAN ]  
**TARIKH :**  
**SOALAN :**

**Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pihak manakah yang membekalkan pelalian virus 'Human Papilloma' (HPV) kepada Kementerian Kesihatan dan berapakah kos perlu dibayar oleh Kementerian Kesihatan bagi setiap satu suntikan pelalian untuk mengurangkan risiko kanser pangkal rahim itu.

**Tuan Yang Dipertua,**

Peruntukan kewangan sebanyak RM 150 juta telah pun diluluskan untuk Program Pelalian Human Papillomavirus (HPV) Kebangsaan yang akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat ini. Pada masa ini, proses sedang dilakukan bagi menentukan syarikat yang akan membekalkan vaksin

HPV yang akan digunakan dalam perlaksanaan program berkenaan. Proses pemilihan dilakukan secara tender terbuka di mana dua (2) buah syarikat telah menyertai pembidaan tersebut. Kos yang akan dibayar oleh Kementerian Kesihatan kepada syarikat yang akan terpilih adalah dianggarkan RM150 bagi setiap dos atau RM450 bagi tiga (3) dos lengkap. Kos ini adalah lebih murah berbanding dengan RM900 – RM1,200 bagi tiga (3) dos lengkap di perkhidmatan perubatan swasta.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : TUAN SALAHUDDIN BIN AYUB**  
**SOALAN : NO.87**

**Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar yang mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2009 yang diterima masuk ke Institusi Pengajian Tinggi Awam bagi pengambilan Julai 2010 dan beberapa pula jumlah pelajar yang mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) pada tahun 2009 yang diterima masuk ke Institusi Pengajian Tinggi Awam bagi pengambilan Julai 2010.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di- Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah tawaran ke Program Pengajian Lepasan SPM/Setaraf di IPTA bagi Sesi Akademik 2010/2011 ambilan Julai adalah sebanyak 36,900. Walau bagaimanapun, jumlah tawaran ke Program Pengajian Lepasan STPM/Setaraf (Ijazah Pertama) di IPTA bagi Sesi Akademik 2010/2011 ambilan Julai hanya dapat dimaklumkan selepas keputusan kemasukan diumumkan iaitu pada minggu ketiga Jun 2010.

No. 88

NO. AUM : 90 88

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB  
[ KUBANG KERIAN ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 2832**

**SOALAN:**

**Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ] minta  
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sejauh manakah usaha  
untuk menghadkan kemasukan pekerja asing ke dalam negara ini.**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kubang Kerian di atas soalan yang dikemukakan

Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut rekod Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), bagi tempoh 1 Januari 2009 sehingga 31 Disember 2009 terdapat seramai 1,918,146 pekerja asing yang berdaftar.

Kerajaan berpandangan bahawa jumlah ini adalah agak terlalu tinggi dan perlu dikurangkan ke satu tahap yang lebih munasabah. Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI) yang telah diadakan dalam bulan Februari 2010, Kerajaan telah mencadangkan supaya jumlah maksima pekerja asing dihadkan kepada 1.5 juta orang sahaja.

Bagi mencapai sasaran ini, kerajaan telah merancang beberapa strategi. Di antara strategi-strategi yang telah diperkenalkan adalah:

1. menggalakkan industri-industri meningkatkan penggunaan teknologi seperti penggunaan mesin-mesin, komputer, *robotics* dan sebagainya.
2. bagi sektor perkhidmatan seperti restoran, stesyen minyak dan pasaraya, digalakkan konsep '*self service*' atau layan diri.
3. dalam misi-misi pelaburan ke luar negara, kerajaan menggalakkan pelabur-pelabur supaya melabur dalam sektor-sektor yang menggunakan teknologi tinggi dan berasaskan modal (*high technology, capital intensive*) dan kurang dalam sektor yang berasaskan buruh (*labour intensive*).
4. membekukan beberapa sektor dari menggunakan pekerja asing seperti kawalan keselamatan (*security*) dan sebagai *frontliners* seperti juruwang, pelayan-pelayan di restoran, stesyen minyak dan perhotelan.
5. mewujudkan Makmal Pengurusan Warga Asing yang antara lain mengkaji keperluan pekerja asing di negara ini mengikut keperluan sektor sebenar.

**SOALAN NO: 89**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
BAGI DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN TENG BOON SOON [ TEBRAU ]**

**TARIKH : DALAM TEMPOH DEWAN RAKYAT  
BERSIDANG**

**SOALAN**

Tuan Teng Boon Soon [ Tebrau ] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah langkah-langkah dokumentasi Kerajaan untuk mengumpul dan menyelamatkan bahan-bahan sejarah tokoh-tokoh negara misalnya berkaitan dengan Tun Tan Cheng Lok, Tun H. S. Lee dan Tun V. T. Sambanthan.

**JAWAPAN:**

Yang Berhormat,

Kementerian melalui Arkib Negara Malaysia menjalankan aktiviti mengumpul dan memperolehi bahan-bahan sejarah mengenai tokoh-tokoh negara. Sehingga kini terdapat 226 koleksi surat-surat persendirian kepunyaan orang perseorangan termasuk tokoh-tokoh negarawan. Koleksi ini mengandungi surat menyurat, buku catatan harian, gambar, filem, keratan akhbar, memorabilia dan sebagainya.

Sebagai contoh terdapat 616 bahan dalam koleksi Tan Cheng Lock, 20 bahan dalam koleksi V.T. Sambanthan dan H.S. Lee 1 bahan.

Di samping koleksi ini, Arkib Negara Malaysia menjalankan program pendokumentasian seperti rakaman sejarah lisan, bicara tokoh, pengkisahan sejarah, pameran serta program mengenang tokoh yang bertujuan mengumpul maklumat mengenai tokoh, menghayati jasa dan sumbangan tokoh serta bertujuan pengesanan dan perolehan bahan mengenai tokoh.

Program Bicara Tokoh dan Sejarah Lisan bagi Tan Cheng Lock misalnya telah diadakan sebanyak 8 kali manakala V.T. Sambanthan sebanyak 19 kali. Pada 23 Mei 2010, Arkib Negara Malaysia telah mengadakan Program Mengenang Tokoh dan Bicara Tokoh bagi Tun Tan Cheng Lock di Melaka. Di samping itu, pameran Tun Tan Cheng Lock juga diadakan bermula pada 23 Mei hingga 30 Jun 2010. Pameran ini termasuk bahan-bahan yang dipinjamkan oleh keluarga beliau. Program ini mendapat sambutan yang memberangsangkan di kalangan masyarakat tempatan terutamanya masyarakat Cina yang dapat menghayati jasa dan sumbangan beliau.

Langkah yang diambil oleh Jabatan Filem Negara Malaysia (FNM) dalam mengumpul dan menyelamatkan bahan sejarah tokoh-tokoh negara ialah melalui penyimpanan filem-filem dokumentarinya. Filem Negara Malaysia juga turut menyimpan filem-filem dokumentari yang berkaitan Tun Tan Cheng Lock, V.T. Sambanthan dan beberapa tokoh lain.

NO. AUM : 9290

NO. AUP : 90

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN TENG BOON SOON [ TEBRAU ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 2833**

**SOALAN:**

**Tuan Teng Boon Soon [ Tebrau ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang mewajibkan majikan menempatkan pekerja asing mereka di tempat kediaman tertentu dan bertanggungjawab ke atas disiplin dan kebersihan tempat kediaman mereka agar tidak mewujudkan masalah kacau ganggu kepada rakyat tempatan.

**JAWAPAN UNTUK SOALAN BUKAN JAWAB LISAN DEWAN  
RAKYAT**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Tebrau di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah menetapkan bahawa sesiapa yang ingin mengajikan pekerja asing adalah DIWAJIBKAN supaya menyediakan tempat tinggal yang selesa dan selamat bagi pekerja mereka. Majikan yang menyediakan penginapan di asrama, akan memastikan supaya pekerja-pekerja sentiasa menjaga kebersihan tempat tinggal mereka.

Berhubung dengan disiplin pekerja, adalah menjadi tanggungjawab majikan untuk memastikan supaya pekerja sentiasa mematuhi arahan-arahan, peraturan-peraturan dan undang-undang negara. Pihak majikan juga perlu menasihatkan pekerja-pekerja asing mereka agar tidak mengganggu ketenteraman rakyat tempatan.

Soalan No : 91

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TENG BOON  
SOON (TEBRAU)**

**TARIKH :**

**SOALAN : 91**

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan bilakah Kementerian akan menyahut permintaan yang berulang kali semenjak tahun 2004 dari kawasan luar bandar khususnya Kampung Pasir Salam dan Kampung Penderam dalam kawasan Parlimen Tebrau supaya dibekalkan air dan elektrik.

## **JAWAPAN :**

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di Kampung Pasir Salam, Tebrau telah disenaraikan oleh Kementerian untuk pelaksanaan pada tahun 2011. Kerja-kerja tapak akan dimulakan pada bulan Mei 2011 dan akan disiapkan dalam tempoh 18 bulan. Pelaksanaan projek akan memberi bekalan elektrik 24 jam kepada 27 buah rumah.

Bagi Kampung Penderam pula, pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) sedang menjalankan kerja-kerja *survey* bagi mengenal pasti bilangan rumah, anggaran kos dan kesesuaian sistem bagi projek ini. Sehubungan itu, Kementerian akan mempertimbangkan pelaksanaan projek BELB ke kampung tersebut pada tahun 2013-2015.

Bagi projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) ke Kampung Penderam, Kementerian menjangkakan akan melaksanakan projek ini pada tahun 2010 untuk manfaat 100 buah rumah. Manakala bagi Kampung

Pasir Salam, Kementerian akan mempertimbangkan pelaksanaan projek pada tahun 2011.

Font : Verdana (16)

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN TENG BOON SOON

(TEBRAU)

TARIKH :

SOALAN : 92

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan bolehkah Kerajaan membina sebatang jalan tar menyambung Kampung Pasir Salam dengan Kampung Sungai Tiram di kawasan Parlimen Tebrau demi kepentingan penduduk-penduduk Orang Asli di Kampung Pasir Salam.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini telah menyenaraikan cadangan pelaksanaan pembinaan Jalan Kg. Orang Asli Pasir Salam, Johor Bahru sepanjang 7.0km dengan anggaran kos berjumlah RM4.0 juta untuk dilaksanakan di bawah RMK-10 (tahun 2013-2015).

Bagi mempercepatkan pelaksanaan projek, Kementerian mencadangkan supaya kerja-kerja awalan seperti penyediaan rekabentuk, dokumen tender dan pengambilan balik tanah dimulakan pada tahun 2012 dan pembinaan dimulakan pada tahun 2013.

## JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: **Y.B. TUAN TENG BOON SOON**  
**[ TEBRAU ]**

## JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

### **PERTANYAAN BERTULIS**

**Y.B. TUAN TENG BOON SOON [ TEBRAU ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan kekurangan guru Bahasa Cina dan Tamil dan bilangan guru sementara di SK, SMK, SJK(C) serta SJK(T). Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah kekurangan guru tersebut telah mencapai matlamatnya.

### **JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga 31 Januari 2010 jumlah guru mengikut keperluan perjawatan dan subjek di seluruh negara bagi Bahasa Tamil di Sekolah Menengah adalah seramai 782 orang, manakala guru Bahasa Cina seramai 2,204 orang. Daripada jumlah tersebut, masih terdapat beberapa negeri yang tidak mencukupi guru khususnya dalam bahasa Cina seperti di Pahang dan Sarawak manakala di Wilayah Persekutuan Labuan bagi guru bahasa Tamil.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengambil langkah yang proaktif untuk memastikan keperluan bekalan guru terlatih dapat dipenuhi dan mencukupi berdasarkan kapasiti latihan perguruan yang dikendalikan oleh Institut Pendidikan Guru (IPG) dan IPTA.

## **JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATO' DR. ABDULLAH BIN MD. ZIN  
[ BESUT ]**

## **JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**

### **PERTANYAAN BERTULIS**

**Y.B. DATO' DR. ABDULLAH BIN MD. ZIN [ BESUT ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah usaha-usaha telah dibuat bagi mengenal pasti dan mengurangkan beban guru agar lebih terfokus kepada pengajaran dan pembelajaran (P&P) dan bukannya diberatkan dengan tugas-tugas sampingan.

### **JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada tahun 2005, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melalui Jawatankuasa Mengkaji Tugas dan Tanggungjawab Guru (JMTTG) telah mengenal pasti isu dan permasalahan bidang tugas dan tanggungjawab guru yang semakin meningkat. Hasil daripada kajian tersebut, pada tahun 2006 Kerajaan telah meluluskan penambahbaikan norma perjawatan guru Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) daripada 1.5n kepada 1.7n yang melibatkan pertambahan sebanyak 33,104 jawatan secara berperingkat di semua sekolah rendah dan sekolah menengah di bawah KPM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2009 Kerajaan sekali lagi telah memberikan kelulusan kepada KPM dalam pertambahan sebanyak 6,898 jawatan Anggota Kumpulan Sokongan (AKS) di sekolah dalam usaha untuk membantu guru-guru melaksanakan tugas-tugas pentadbiran dan perkeranian supaya guru-guru dapat lebih fokus kepada pengajaran dan pembelajaran (P&P) serta perkembangan sahsiah para pelajar.

NO. AUM : ~~97~~

NO. AUP : ~~95~~

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. ABDULLAH BIN MD. ZIN [ BESUT ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 2834**

**SOALAN:**

**Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin [ Besut ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah kes buang bayi yang direkodkan dan pecahannya mengikut kaum sepanjang 5 tahun terakhir.

## **JAWAPAN**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Besut yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik kes buang bayi mengikut pecahan kaum bagi tempoh lima tahun yang lepas adalah seperti berikut:

Bangsa	Tahun				
	2005	2006	2007	2008	2009
Melayu	10	19	9	16	23
Cina	1	1	0	0	2
India	0	1	1	1	0
Lain-lain	3	0	1	3	1
Tidak Diketahui	53	62	65	82	53
<b>JUMLAH</b>	<b>67</b>	<b>83</b>	<b>76</b>	<b>102</b>	<b>79</b>

**SOALAN ( 96)**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. DATO' DR. ABDULLAH BIN MD. ZIN (BESUT)

**SOALAN :-**

**Y.B. DATO' DR. ABDULLAH BIN MD. ZIN (BESUT)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengapakah konsep Bina dan Jual yang diperkenalkan oleh Kerajaan dalam usaha untuk mengelakkan projek terbengkalai kurang mendapat sambutan dan masalah projek terbengkalai masih berlaku.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, konsep Bina Kemudian Jual (BKJ) varian 10:90 telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk tempoh percubaan selama dua (2) tahun mulai Jun 2007 hingga Jun 2009.

Adalah disebabkan masalah kurangnya sambutan terhadap pelaksanaan konsep BKJ Varian 10:90 adalah disebabkan masalah *bridging finance* atau pinjaman titian oleh pemaju daripada bank-bank untuk membiayai projek-projek perumahan yang dicadang untuk dibangunkan. Di samping itu, insentif-insentif sedia ada didapati kurang menarik minat pemaju untuk melaksanakan konsep ini.

Dalam hubungan berkaitan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang meneliti pandangan daripada semua pihak yang terlibat termasuk Bank Negara Malaysia, Persatuan Bank-Bank Malaysia, Persatuan Pembeli Rumah (HBA), REHDA dan agensi-agensi Kerajaan yang terlibat sebelum mengemukakan cadangan untuk pertimbangan Kerajaan supaya Konsep BKJ Varian 10:90 dapat dilaksanakan oleh pemaju.

Konsep BKJ sebenarnya cuma merupakan salah satu pendekatan untuk menyelesaikan projek perumahan terbengkalai dan banyak lagi faktor-faktor lain yang menyebabkan projek terbengkalai.

Kementerian Perumahan  
Dan Kerajaan Tempatan

Julai 2010

**SOALAN NO: 97**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. ABDULLAH BIN MD. ZIN  
[ BESUT ]**

**TARIKH : DALAM TEMPOH DEWAN RAKYAT  
BERSIDANG**

**SOALAN**

**Dato' Dr. Abdullah bin Md Zin [ Besut ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan untuk memperluaskan capaian internet terutamanya ke kawasan luar bandar dan menyediakan kemudahan dengan kelajuan yang tinggi.**

## **JAWAPAN:**

Yang Berhormat,

Di bawah Inisiatif Jalur Lebar Negara (NBI), seluruh negara termasuk kawasan luar bandar akan disediakan liputan Jalur Lebar untuk Orang Awam atau *Broadband for General Population* (BBGP) berkelajuan sehingga 2Mbps melalui perkhidmatan berwayar dan tanpa wayar.

Dalam hubungan ini, pelbagai usaha sedang giat dilaksanakan bagi memperluaskan capaian Internet jalur lebar terutamanya ke kawasan luar bandar. Antara inisiatif yang sedang giat dilaksanakan ialah:

- i) memperluaskan liputan jalur lebar ke seluruh negara dengan membina rangkaian teras dan akses menggunakan pelbagai teknologi termasuk teknologi gentian optik di samping menaik taraf kapasiti lebar jalur domestik dan antarabangsa;
- ii) menyediakan pakej jalur lebar mampu milik kepada kumpulan sasaran;
- iii) membangunkan lebih banyak Pusat Jalur Lebar Komuniti (PJK) di luar dan pinggir bandar; dan
- iv) mempertingkatkan lagi usaha dalam memberi kesedaran dan promosi jalur lebar kepada semua lapisan masyarakat.

Pada tahun 2010, Kerajaan sedang mempergiatkan lagi usaha dalam menyediakan liputan dan akses Internet jalur lebar untuk dinikmati oleh

rakyat termasuklah inisiatif-inisiatif terkini seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa Pelancaran Inisiatif Jalur Lebar Negara dan Perkhidmatan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi pada 24 Mac 2010 iaitu:

- i) Pelaksanaan Pusat Jalur Lebar Komuniti (PJK) yang akan menyediakan perkhidmatan jalur lebar kepada 615,000 isi rumah di 246 lokasi;
- ii) Penubuhan Pusat Internet Rakyat (PIR) di 121 premis Jabatan Penerangan di seluruh negara yang akan memberikan liputan jalur lebar kepada 400,000 pengguna;
- iii) Peluasan liputan selular awam melalui pembinaan 873 menara telekomunikasi baru di seluruh negara termasuk 278 di Sabah dan 257 di Sarawak;
- iv) Penyediaan RM1 bilion daripada dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP) bagi pelaksanaan pengagihan 1 juta komputer riba/netbook kepada golongan kurang berkemampuan; dan
- v) Penyediaan pakej jalur lebar oleh TM pada harga serendah RM20/bulan di kawasan USP.

Inisiatif yang disasarkan di bawah program USP adalah khusus bagi meningkatkan faktor mampu milik komputer dan perkhidmatan Internet jalur lebar kepada isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana di luar bandar.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA**  
**DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : **DATO' DR. ABDULLAH BIN MD ZIN**  
[ BESUT – BN ]

**SOALAN NO. 98**

**Dato' Dr. Abdullah Bin Md Zin (Besut – BN)** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian dalam usaha untuk menarik minat di kalangan masyarakat terutamanya generasi muda dalam bersukan untuk memastikan badan sihat dan otak cergas.

**JAWAPAN**

Bagi menarik minat di kalangan masyarakat terutama generasi muda bersukan untuk memastikan badan sihat dan otak cergas, Kementerian Belia dan Sukan telah mengambil langkah-langkah berikut:

1. meningkatkan pelbagai program dan aktiviti sukan, kecergasan dan rekreasi di seluruh negara meliputi peringkat daerah, negeri dan kebangsaan;
2. memperkenalkan program-program baru berdasarkan komuniti, kecergasan dan sukan pelancongan;
3. menaik taraf kemudahan sukan sedia ada di seluruh negara serta mewujudkan Gelanggang Sukan Pelbagai Guna di setiap kawasan DUN;
4. melahirkan pemimpin, pengurus serta tenaga penggerak Sukan Untuk Semua di pelbagai peringkat seperti kursus tenaga pengajar kecergasan, kursus rekreasi tahap II dan III dan kursus pengurusan sukan;

5. memberi insentif dan anugerah kepada persatuan sukan massa yang aktif dan cemerlang; dan
6. menyediakan dana untuk membantu persatuan sukan untuk melaksanakan program dan aktiviti sukan yang melibatkan penyertaan ramai.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**

**SOALAN :**

**DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID [PENGERANG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang sudah diambil:-

- (a) dalam mengawal perairan negara terutama di Pengerang yang menjadi laluan serta pintu masuk kepada penyeludupan pendatang tanpa izin, pemerdagangan manusia, rokok dan sebagainya; dan
- (b) masalah kekurangan kelengkapan seperti bot-bot peronda, kakitangan operasi dan sebagainya.

**JAWAPAN :** **Y.B. DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk menjaga dan memelihara keselamatan, keamanan dan kedaulatan negara khususnya di perairan selatan Selat Melaka, dan di Pengerang khususnya, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melalui Pejabat Wilayah telah dan terus melaksanakan pengawasan dan operasi penguatkuasaan maritim. Operasi ini melibatkan kehadiran kapal-kapal APMM di perairan tersebut secara berterusan. Bagi meningkatkan pengawasan dan pemantauan, pesawat-pesawat udara APMM juga ditugaskan melaksanakan rondaan udara. Sistem Pengawasan Maritim (SWASLA) yang dilengkapkan dengan sembilan (9) buah radar ditempatkan di sepanjang pesisiran pantai barat Semenanjung Malaysia juga menjadi aset pemantauan dan pengawasan di perairan selatan Selat Melaka. Keupayaan SWASLA juga telah dinaik taraf dengan pemasangan kamera bagi mempertingkatkan keberkesanan pengesahan aktiviti-aktiviti yang mencurigakan di perairan tersebut bagi tindakan susulan oleh aset laut APMM.

Di samping itu juga, APMM telah memperagakan (menunjukkan) kehadiran aset-asetnya dalam semua keadaan, siang dan malam, cuaca baik maupun buruk di sepanjang masa dan sentiasa bersedia untuk menangani apa juga tugas yang perlu dilaksanakan. Kerjasama dengan negara jiran, Indonesia, Thailand dan Singapura serta negara-negara serantau yang berkongsi batas sempadan maritim di kawasan ini juga dilaksanakan. Kerjasama dengan

agensi penguat kuasa yang lain juga telah dipertingkatkan terutamanya dengan PDRM, TLDM dan TUDM dalam menangani isu penyeludupan pendatang tanpa izin, perdagangan manusia, penyeludupan rokok dan sebagainya di selatan Selat Melaka ini.

- b) Kerajaan sedang dalam proses untuk melengkapkan APMM dengan aset-aset baru bagi menggantikan aset-aset yang telah usang dan tidak kos efektif untuk diguna pakai sejajar dengan perkembangan APMM serta kedudukan kewangan negara. Aset-aset yang bakal diperoleh dan pembinaan infrastruktur yang sedang giat dibangunkan tidak memadai dan mencukupi untuk APMM melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya sebagai peneraju penguat kuasa maritim negara pada masa kini. Bagi menyediakan APMM untuk terus beroperasi sebagai peneraju dan bakal menjadi penguat kuasa maritim tunggal, Kerajaan sedang merancang perolehan, penambahbaikan dan penyediaan infrastruktur di dalam RMKe-10.

Sungguhpun begitu, perolehan aset-aset dan penyediaan kemudahan infrastruktur yang sedang dan akan dilaksanakan, masih belum lengkap dan kemas. Kerajaan memang peka dan proaktif akan pembangunan serta pembesaran APMM yang masih memerlukan penambahan aset dari segi kapal peronda laut dalam, pesawat, bot dan peralatan terkini serta pembinaan infrastruktur pejabat, jeti dan tempat latihan untuk mendukung perancangan Kerajaan bagi menjadikan APMM sebagai agensi tunggal penguat kuasa maritim.

Di samping penambahan bilangan aset dan infrastruktur, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah tertentu untuk meningkatkan bilangan anggota APMM sejajar dengan pembesaran agensi tersebut. Kerajaan yakin dengan langkah-langkah yang telah dilaksanakan, masalah kekurangan anggota serta pembangunan insan seperti yang dirancang oleh APMM dapat diatasi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID  
[ PENGERANG ]**

**TARIKH :**

**SOALAN :**

**Datuk Azalina binti Dato' Othman Said [ Pengerang ]** minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah yang diambil berhubung masalah doktor-doktor terlatih di dalam kawasan gugusan Felda yang mana telah mengalami penambahan kapasiti penduduk serta mengenai masalah ketiadaan balance kawasan Felda.

**Tuan Yang Dipertua,**

Di negeri Johor terdapat 73 buah Kawasan FELDA dimana majoriti (38.35%) kawasan FELDA terletak di dalam Daerah Kota Tinggi. Dari keseluruhan 91 buah Klinik Kesihatan yang terdapat di Negeri Johor, 12 buah Klinik Kesihatan dibina di dalam Gugusan FELDA atau berhampiran gugusan FELDA dan 7 dari 12 buah Klinik Kesihatan tersebut terletak di Daerah Kota Tinggi. Kedudukan perjawatan Pegawai Perubatan (doktor terlatih) bagi setiap Klinik-Klinik Kesihatan tersebut adalah seperti Jadual berikut:-

**Jadual 1. Kedudukan Pengisian Jawatan Pegawai Perubatan Di Klinik Kesihatan Di Dalam Kawasan FELDA, Negeri Johor (Kedudukan pada 31 Mei 2010)**

Bil	Klinik Kesihatan	Pegawai Perubatan Gred UD 44 - UD 54		
		Jawatan	Isi	Kosong
1.	KK Air Tawar 2, Kota Tinggi	3	0	3
2.	KK Bandar Tenggara, K. Tinggi	6	2	4
3.	KK Bukit Besar, Kota Tinggi	1	0	1
4.	KK Bandar Mas, Kota Tinggi	8	1	7
5.	KK Lok Heng, Kota Tinggi	1	0	1
6.	KK Bukit WaHa, Kota Tinggi	1	0	1
7.	KK Sening, Kota Tinggi	2	0	2
8.	KK Pemanis, Segamat	1	0	1
9.	KK Pekan Air Panas, Segamat	1	0	1
10.	KK Ulu Belitong, Kluang	1	0	1
11.	KK Tenggaroh 2, Mersing	5	0	5
12.	KK Bukit Serampang, Ledang	1	0	1
	Jumlah	31	3	28

Walaupun 100% Klinik Kesihatan tersebut mempunyai jawatan Pegawai Perubatan dari Gred UD 44 hingga Gred UD 54, hanya 9.67% jawatan tersebut diisi oleh penjawat ketika ini. Kekosongan jawatan di Klinik-Klinik Kesihatan pada asalnya berpunca dari kekurangan graduan Pegawai Perubatan. Walaupun graduan siswazah perubatan telah bertambah ketika ini, namun mereka masih lagi menjalani latihan Pegawai Perubatan SiswaZah di Hospital-Hospital. Keadaan ini bersifat sementara kerana Program Latihan Perubatan SiswaZah 2 tahun yang baru diperkenalkan tahun **2008** akan meningkatkan bilangan Pegawai Perubatan terlatih menjelang **suku tahun ketiga** tahun 2010. Jawatan-jawatan kosong tersebut dapat di isi secara berperingkat sebaik sahaja Pegawai

Perubatan tersebut tamat menjalani Latihan Siswazah. Pengisian jawatan-jawatan kosong tersebut akan mengambilkira beban kerja di sesuatu Klinik Kesihatan.



